

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 OCTOBER 2016

# Malaysia-Brunei perkukuh kerjasama

BH - 5/10/2016

→ Pemimpin  
ulangi  
komitmen rintis  
perkongsian  
strategik  
dua hala

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@bh.com.my

► Putrajaya

**M**alaysia dan Brunei mengulangi komitmen memperkukuhkan kerjasama dua hala, terutama dalam bidang yang membawa manfaat bersama, termasuk teknologi hijau.

Perkara itu diputuskan bersama oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, sempena Perundingan Tahunan Pemimpin Malaysia-Brunei Ke-20 di Bangunan Perdana Putra, di sini semalam.

Kedua-dua pemimpin turut menandatangani

memorandum persefahaman (MoU) dalam bidang berkenaan.

Malaysia diwakili Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, manakala Brunei oleh Menteri Tenaga dan Industri, Pehin Datu Mohammad Yasmin Umar.

## Perkongsian strategik

Kedua-dua pemimpin, dalam kenyataan bersama, menyuarakan rasa gembira dengan kemajuan pelaksanaan Pertukaran Surat yang ditandatangani pada 2009 bagi merintis perkongsian strategik dua hala dan menggesa pegawai kedua-dua negara tingkatkan usaha memuktamadkan perkara tertangguh serta isu yang perlu dibincangkan.

Kedua-dua pemimpin turut berpuas hati dengan perkembangan

kerjasama PETRONAS dan Petroleum BRUNEI dalam Kawasan Aturan Komersial (CAA) di blok CA1 dan CA2, seterusnya Perjanjian Perkongsian Pengeluaran (PSA) di blok N dan Q serta kerjasama di Kanada dan Myanmar.

"Kedua-dua negara turut alu-alukan pelantikan pakar luar yang bebas bagi selesaikan cadangan penyatuan lapangan minyak antara Kinabalu West NAG (KN) dan Maharajalela North (MLJ) selain mengharapkan penyatuan lapangan minyak KN-MLJ, Gumusut/Kakap (GK) dan Geronggong/Jagus East (GRG/J) dimuktamadkan pada suku pertama 2017," katanya.

Kenyataan itu turut menyatakan kedua-dua pemimpin gembira dengan perkembangan memberangsangkan kajian penandaan dan

persempadanan darat antara kedua-dua negara serta komitmen untuk kerjasama maritim termasuk kegiatan perikanan.

"Mereka turut menggesa pegawai kedua-dua negara memulakan perbincangan berhubung rangkaian Lebuhraya Pan Borneo memandangkan langkah memperbaiki rangkaian hubungan jalan raya mampu melonjak pertumbuhan ekonomi serta sosial antara Malaysia dan Brunei," katanya.

Malaysia dan Brunei turut mengulangi komitmen dalam mempertingkatkan kerjasama ekonomi terutama di Sabah dan Sarawak serta mencadangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kedua-dua negara dapat bekerjasama dalam meneroka peluang perniagaan baharu.